

Bengkel teknik cari kerja esok

SEREMBAN 23 Nov. - Sempena Pesta Konvoquesyen Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) ke-10, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. (UP&D), anak syarikat Utusan Melayu (M) Berhad akan mengadakan bengkel bersama penulis buku *Sudah Mantapkah Langkahmu?*, Kamsiah Abu.

Bengkel tersebut akan berlangsung pada pukul 11 pagi hingga 12.30 tengah hari esok di Kompleks Sukan Tunku Najihah, USIM di Nilai dekat sini.

Pengarah Eksekutif UP&D, Dr. Ahmad Hairi Abu Bakar berkata, Kamsiah berpengalaman lebih 25 tahun sebagai pengamal pengurusan sumber manusia dan kini merupakan perunding Pengurusan Sumber Manusia di sebuah syarikat perunding di Kuala Lumpur.

Katanya, bengkel itu bertujuan berkongsi maklumat berkenaan panduan dan teknik yang boleh diguna pakai pencari kerja untuk melengkapkan diri dengan kaedah yang sering diamalkan majikan dalam mencari dan menilai calon tenaga kerja berwibawa.